



Keunikan Tafsir Tuan Guru Hj Nik Abdul Aziz Bin Nik Mat

Ahmad Najib Abdullah*, Nor Hazrul Mohd Salleh*

* Akademi Pengajian Islam,
Pusat Pendidikan Universiti Malaya, 16310 Bachok, Kelantan.

E-mail: dr_najib@um.edu.my

ABSTRACT

Tuan Guru Dato' Hj Nik Abdul Aziz bin Nik Mat was an affectionately known as Tok Guru, and a famous scholar who has contributed a lot of knowledge to the Muslim community in Malaysia. It was included the knowledge of tafsir Al-Qur'an. His prominence in the field of tafsir of the Qur'an and its uniqueness have not been fully studied. Thus, a study was made to highlight his prominence and survey the uniqueness of his interpretation. This is a qualitative type. Data were collected through library research methods as well as the field research by interview session and will be analyzed using inductive and deductive methods. The study also found that Tuan Guru Dato' Hj Nik Abdul Aziz bin Nik Mat was well known as a unique tafsir figure, rich in precise, thoughtful thoughts and views in interpreting the verses of the Al-Quran.

Keywords : *Unik , Tafsir, Nik Aziz*

ABSTRAK

Tuan Guru Dato' Hj Nik Abdul Aziz bin Nik Mat adalah seorang tokoh ulamak tersohor yang banyak memberi sumbangan ilmu kepada masyarakat Islam di Malaysia, antaranya ilmu tafsir Al-Qur'an. Ketokohan beliau dalam bidang tafsir Al-Qur'an dan keunikan tafsir beliau belum dikaji secara lengkap. Justeru kajian dibuat untuk menyerlahkan ketokohan dan mengkaji keunikan tafsir beliau. Kajian ini adalah kualitatif. Data-data akan dikumpul melalui kaedah kajian perpustakaan dan juga kajian lapangan secara temu bual, dan dianalisis menggunakan metode induktif dan deduktif. Kajian mendapati Tuan Guru Dato' Hj Nik Abdul Aziz bin Nik Mat adalah seorang tokoh tafsir yang unik, kaya dengan pemikiran dan pandangan yang jitu dan bernas dalam menafsirkan ayat-ayat Al-Quran.

Kata Kunci : *Unik , Tafsir, Nik Aziz*

PENGENALAN

Tuan Guru Dato' Hj Nik Abdul Aziz bin Nik Mat adalah seorang tokoh ulamak terbilang di Malaysia. Beliau mahir dalam pelbagai bidang ilmu; tafsir Al-Qur'an, hadith, akidah, fikah, akhlak, tasawuf, tarbiyah dan dakwah. Ketokohan beliau dalam bidang tafsir Al-Qur'an dan keunikan tafsir beliau belum dikaji secara lengkap. Hal ini kerana bahan-bahan tafsir beliau sukar untuk diperolehi memandangkan sebahagian besar bahan tafsir masih dalam bentuk rakaman dalam keset atau video.

Kajian ini amat penting kerana ia akan meneliti dan mengkaji secara mendalam ketokohan Tuan Guru Dato' Hj Nik Abdul Aziz bin Nik Mat (selepas ini akan disebut Tok Guru) dalam bidang tafsir Al-Qur'an dan mengupas keunikan tafsir beliau.

Terdapat beberapa kajian yang telah dijalankan oleh beberapa orang pengkaji berhubung sumbangan, ketokohan dan pemikiran Tok Guru dalam banyak bidang termasuk beberapa tafsir beliau yang dibukukan. Antaranya: Habibul Izzah Ahmad, *Tok Guru Sebuah Biografi Awal*, 2015, Kota Bharu : Pemikiran Tok Guru Sdn Bhd. Penulis merupakan pengkaji di Institut Pemikiran Tok Guru, Kota Bharu. Beliau telah menceritakan dengan agak detail berhubung biografi Tok Guru bin Nik Mat. Antara keistimewaan buku ini, ia telah dibaca dan disemak oleh Tok Guru sendiri. Habibul Izzah ada juga menulis sebuah buku lain berjodol *Tok Guru Sebuah Catatan Perjalanan Spritual*, 2017, Pulau Pinang : Baytul Hikma. Buku ini banyak menyentuh tentang perubatan dan masalah kesihatan Tok Guru.

Jamal Mohd Lokman Sulaiman, *Biografi Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz*, 1999, Selangor: Percetakan Selaseh Sdn. Bhd: Selangor. Penulis membincangkan tentang keluarga Tok Guru, perjuangan politik dan tajdid yang diperjuangkan oleh beliau.

Mustaffa Abdullah, *Khazanah Tafsir Di Malaysia*, 2009, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Kandungan buku ini berkaitan biografi ringkas Tok Guru dan sumbangan tafsirnya.

Abdul Razak Mahmud, *40 Biografi Singkat Ulamak Terpilih Negeri Kelantan*, 2017, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. Penulis merupakan anak murid tua Tok Guru semasa beliau mengajar di Ma'had Muhammadi, Kota Bharu. Penulis membincangkan pengalaman belajar dengan Tok Guru, termasuk subjek tafsir.

Antara tafsir Tok Guru yang telah dibukukan seperti berikut: *Tafsir Surah Hud*, 1996, Nilam Puri: Maahad Al-Dakwah Wa Al-Imamah, *Tafsir Surah Yunus*, 1998, Nilam Puri: Maahad Al-Dakwah Wa Al-Imamah, Mashhud Bunyani, *Tafsir Surah At-Taubah*, 1999, Bangi: As-Syabab Media, *Tafsir Fi Zilal Nikmatillah -Al-Waqiah*, 2020, Kota Bharu: Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia, *Tafsir Al-Qur'an- Surah Al-Fatihah*, 2019, Petaling Jaya : Pertubuhan Alim Rabbani, *Tafsir Al-Qur'an- Surah Al-Nas*, *Surah Al-Falaq*, *Dan Surah Al-Ikhlas*, 2020, Petaling Jaya: Pertubuhan Alim Rabbani, *Tafsir Al-Qur'an – Surah Al-Masad*, *Surah Al-Nasr*, *Surah Al-Kafirun*, *Surah Al-Kauthar*, *Surah Al-Ma'un*, *Surah Quraisy*, 2020, Petaling Jaya: Pertubuhan Alim Rabbani, *Tafsir Al-Qur'an – Surah Al-Fil*, *Surah Al-Humazah*, *Surah Al-Asr*, *Surah Al-Takathur*, 2020, Petaling Jaya: Pertubuhan Alim Rabbani. *Tafsir Al-Qur'an – Surah Al-Waqi'ah*, 2020, Petaling Jaya: Pertubuhan Alim Rabbani, *Tafsir Al-Qur'an – Surah Yunus*, 2020, Petaling Jaya: Pertubuhan Alim Rabbani dan *Tafsir Al-Qur'an – Surah Hud*, 2020, Petaling Jaya: Pertubuhan Alim Rabbani.

Terdapat juga beberapa penulisan ilmiah berkaitan pemikiran tafsir Tok Guru seperti tulisan Haziyah Hussin, *Pemikiran Tuan Guru Hj. Nik Abdul Aziz Nik Mat dalam Tafsir Al-Qur'an: Tumpuan Terhadap Surah Hud*, Latihan ilmiah, Akademi Islam, Universiti Malaya, 1999. Rafiah binti Hussin, Metodologi Penafsiran Surah Yunus oleh YAB Tuan Guru Dato'

Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat, Latihan ilmiah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2000, dan Nik Fatimah Azzahraa binti Nik Abdul Kadir, *Sumbangan YAB Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat dalam Bidang Pentafsiran Al-Qur'an: Kajian Terhadap Surah Al-Taubah*, Latihan ilmiah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2003.

Berbeza dengan kajian dan penulisan yang disebutkan, kajian ini lebih fokus kepada menyerlahkan ketokohan tafsir Tok Guru dan mengkaji keunikan tafsir beliau dengan merujuk kepada bahan-bahan tafsir sama ada dalam bentuk rakaman video dan sebahagian buku-buku tafsir Tok Guru yang di telah lama dicetak dan buku-buku tafsir yang terkini.

BIODATA RINGKAS TOK GURU

Tok Guru adalah seorang tokoh besar dan berpengaruh dalam bidang ilmu-ilmu Islam dan kepimpinan politik Islam semasa baik di peringkat Negara mahupun di peringkat antarabangsa. Nama sebenar beliau adalah Nik Abdul Aziz bin Nik Mat, dilahirkan pada 10 Januari 1931 di Kampung Pulau Melaka, Kedai Lalat, Kota Bharu, Kelantan. Beliau mendapat pendidikan awal daripada ayahnya sendiri Haji Nik Mat atau lebih dikenali dengan panggilan “Tok Nik Mat Alim”.¹

Haji Nik Mat telah mendidik anak-anaknya semenjak dari kecil lagi dengan pengetahuan agama dan sekaligus menjadikan beliau sebagai guru pertama kepada anak-anaknya sendiri. Rutinnya, pada setiap hari, selepas solat Subuh dan Maghrib, Haji Nik Mat akan mengajar anak-anaknya pelajaran Al-Quran, Hadith dan Tajwid. Pengajian ini adalah wajib. Tok Guru memiliki kesungguhan dan kecerdikan yang tinggi sehingga dapat menandingi teman-teman sepengajian termasuk juga mereka yang lebih tua daripadanya.²

Dalam usia 6 tahun, beliau memulakan persekolahan formal di Sekolah Kebangsaan Kedai Lalat pada tahun 1936 namun beliau hanya sempat belajar selamat tiga bulan sahaja kerana sistem pembelajaran di sekolah tersebut tidak secocok dengan naluri dan jiwanya. Lantaran itu, ayahnya menghantar beliau belajar di sebuah sekolah pondok kelolaan Tok Kenali di Kubang Kerian. Seterusnya beliau menyambung pengajian di Pondok Tok Guru Haji Abbas, Besut Terengganu. Setelah tamat belajar di situ, beliau berguru pula dengan seorang tokoh ulamak hadith yang terkenal pada masa itu iaitu Tok Khurasan.

Tok Guru juga mengambil peluang menceduk ilmu-ilmu agama seperti fikah dan bahasa Arab dari guru-guru yang alim dan hebat di Jami' Merbau al-Isma'ili, Merbau. Antara guru-guru beliau di situ seperti Dato' Mufti Haji Muhammad Nor bin Haji Ibrahim dan Tuan Guru Haji Ali Pulau Pisang.

Pada tahun 1952, Tok Guru menyambung pengajian ke Darul Ulum, Deoband, India dan berguru dengan Maulana Husain Ahmad Al-Madani (1879-1957) ,seorang syeikh Al-Hadith dan juga tarekat yang terkemuka di India. Tok Guru juga sempat bertalaqqi ilmu falsafah dan taswwuf dengan Hazrat Hakeemul Islam Maulana Qari Muhammad Tayyib Saheb Qasmi (1896-1983). Antara maulana lain yang menyentuh perhatian TGNA seperti Maulana Syed Fakhruл Hasan Moradabadi (1323H) mengajar kitab Sahih Muslim dan Tafsir al-Baidhawi, Maulana Muhammad Ibrahim Balyawi(1304H) mengajar kitab Sahih Tirmizi. Beliau menamatkan pengajian di Deoband pada 1957.³

¹ Gelaran ini diberikan oleh murid-murid beliau dan masyarakat setempat kerana keilmuannya yang tinggi dan keberaniannya dalam menegakkan kebenaran. Lihat : Jamal Mohd Lokman Sulaiman, *Biografi Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz*, (Selangor : Percetakan Selaseh Sdn. Bhd, 1999), 10.

² *Ibid*, 9-15

³ Habibul Izzah Ahmad, *Tok Guru Sebuah Biografi Awal*, 2015,(Kota Bharu : Pemikiran Tok Guru Sdn Bhd, 2015).144-146.

Pada tahun berikutnya, Tok Guru berhijrah ke Lahore, Pakistan untuk mengambil kursus tafsir Al-Quran.⁴ Menurut Izzah, Tok Guru mendalami ilmu tafsir di Lahore selama empat bulan setelah syarat menghabiskan semua pengajian asas Islam meliputi ilmu mantiq, hadis, tafsir, balaghah dan lain-lain dipenuhi. Salah seorang guru tafsir TGNA di Sherawala Gate, Lahore ialah Maulana Ahmad Ali.⁵

Tok Guru mengembara pula ke Mesir untuk belajar bahasa Arab di Kuliah Lughah, Universiti Al-Azhar sehingga beliau berjaya memperoleh Ijazah Sarjana Muda Pengajian Bahasa Arab. Kemudiannya beliau meneruskan lagi pengajian di peringkat Sarjana dalam bidang Perundangan Islam (*Al-Qadha' Al-Syar'i*, *Takhassus Al-Mahakim Al-Syar'iyyah*) sehingga beliau berjaya mendapat Ijazah Sarjana Perundangan Islam dan Kehakiman dari universiti yang sama.⁶

Tok Guru sekembalinya ke tanahair pada 1962, mula bertugas sebagai pendidik di Sekolah Menengah Tarbiah Mardiah Panchor. Pada tahun 1964 pula, Tok Guru berkhidmat sebagai salah seorang tenaga pengajar di Maahad Muhammadi, Kota Bharu, Kelantan.

Pada tahun 1967, beliau dipilih bertanding mewakili Parti Islam Se Malaysia (PAS) dalam pilihan raya kecil Parlimen Kelantan Hilir.

Pada 23 Oktober 1990, beliau dilantik Menteri Besar Kelantan apabila Angkatan Perpaduan Ummah memenangi pilihanraya tersebut. Setelah 23 tahun menggalas jawatan sebagai Menteri Besar Kelantan, Tok Guru akhirnya bersara dari jawatan tersebut selepas Pilihan Raya Umum 2013. Tok Guru meninggal dunia pada 12 Januari 2015 kerana mengidap kanser prostat.

TAFSIR TOK GURU

Tafsir Tok Guru melibatkan kuliah-kuliah tafsir yang disampaikan oleh Tok Guru sejak beliau mula-mula berkecimpung dalam penyebaran ilmu, khususnya ilmu tafsir. Berdasarkan maklumat yang dinyatakan sendiri oleh Tok Guru, beliau telah memulakan pengajian tafsir pada hari mula-mula beliau sampai ke kampung halaman iaitu pada tahun 1962⁷, sekembalinya dari Mesir. Surah Al-Nas merupakan surah pertama yang ditafsirkan oleh Tok Guru, kemudian Tok Guru menafsirkan surah-surah sebelumnya secara mengundur sehingga beliau menamatkan tafsiran pada 25 Oktober 2002, iaitu selepas 40 tahun berkuliah. Seterusnya Tok Guru menafsirkan Al-Qur'an buat kali kedua, bermula dari Surah Al-Nas sehingga tahun 2014⁸.

Sanad Tafsir Tok Guru

Berbeza dari kebanyakan tafsir-tafsir yang lain, tafsir Tok Guru mendapat nilai tambah dengan adanya sanad tafsir yang dimiliki oleh Tok Guru sendiri. Sanad tafsir bukanlah termasuk dalam syarat-syarat untuk menjadi mufassir, namun ia memberikan kekuatan dan keyakinan ilmu yang ada pada seseorang yang ingin menafsirkan Al-Qur'an. Tok Guru telah

⁴ *Op.cit*, h. 15.

⁵ *Op.cit*, h 158.

⁶ Nik Yusri bin Musa, *Hj. Nik Abd Aziz bin Nik Mat: Pandang Sisi Sebagai Ulama Hadis*. 2010 - umkeprints.umk.edu.my

⁷ Tok Guru ada menyebut hal ini dengan jelas dalam kuliah tafsir Surah Al-Fatihah. Rujuk : <https://youtu.be/6-AJIG3rK1U>

⁸ Maklumat diperolehi dari En. Ahmad Saifuddin Yusof, Ketua Projek Tafsir Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat. Temu bual pada 2 Februari 2021.

mendapatkan sanad tafsir dari Madrasah Qasim Al-‘Ulum Al-Muta’aliyah bi Jam’iyyah Khadam Al-Din, Pakistan.⁹

Sumber-sumber Tafsir Tok Guru

Tok Guru ibarat sebuah gedung ilmu yang sarat dengan ilmu. Tok Guru bukan sahaja mahir dalam bidang tafsir, malah dalam bidang-bidang ilmu yang lain seperti akidah, fikah, hadith, tasawwuf, termasuk sains politik. Secara khusus, Tok Guru banyak membaca Tafsir Fi Zilal Al-Qur'an karangan Sayyid Qutb, Tafsir Ibnu Kathir, Tafsir Al-Sya'rawi dan Tarjamah Al-Qur'an karangan Maulana Mahmud Al-Hasan¹⁰.

Lokasi Pengajian Tafsir

Lokasi pertama kuliah tafsir Tok Guru bermula mungkin di masjid kampung beliau. Seterusnya berpindah ke Masjid Al-Muhammadi, Kota Bharu sehingga tahun 1978. Pada tahun tersebut, Tok Guru tidak lagi dibenarkan untuk menyampaikan kuliah disebabkan pertukaran Kerajaan Negeri pada waktu itu. Langkah seterusnya, lokasi kuliah Tok Guru berpindah ke Dewan Zulkifli, Bangunan Pejabat PAS, Kota Bharu, Kelantan sehingga tahun 2004. Memandangkan situasi kesihatan Tok Guru yang tidak mengizinkan pada waktu itu di mana beliau mengalami serangan jantung, kuliah tafsir Tok Guru tidak lagi dibuat di Dewan Zulkifli kerana ia menyukarkan beliau untuk naik anak-anak tangga yang banyak bagi menyampaikan kuliah di tingkat 2 (Dewan Zulkifli). Sebagai alternatif, kuliah tafsir Tok Guru di buat di Medan Ilmu bermula awal tahun 2005 sehingga kuliah tafsir terakhir Tok Guru.¹¹

Sukatan Kuliah Tafsir Tok Guru

Tafsir Tok Guru merangkumi keseluruhan Al-Qur'an Al-Karim. Tok Guru sempat mengkhatakan tafsiran pada pada 25 Oktober 2002. Selanjutnya beliau telah menafsirkan semula bermula dari Surah Al-Nas. Pada peringkat akhir kuliah Tok Guru, Tok Guru memilih ayat-ayat tetentu untuk ditafsirkan kepada pendengar di Medan Ilmu.

Masa dan Tempoh Kuliah

Kuliah tafsir Tok Guru adalah pada setiap hari Jumaat, bermula pada pukul 9.30 pagi sehingga pukul 10.30 pagi. Menjadi kelaziman Tok Guru menyampaikan kuliah tepat pada waktu yang ditentukan. Biasanya beliau akan menghabiskan kuliah pada pukul 10.30 dan

⁹ *Tok Guru Sebuah Biografi Awal*, 137-138, 230.

¹⁰ Prof Madya Dr Nik Yusri bin Musa, pensyarah di Universiti Malaysia Kelantan yang merupakan anak saudara Tok Guru ada menyebut Tok Guru banyak merujuk kepada Tafsir Sya'rawi di akhir usianya. Menurut beliau, Tok Guru akan membaca beberapa kitab tafsir bermula petang Khamis sehingga beliau keluar rumah pagi Jumaat untuk menyampaikan kuliah di Dewan Zulkifli. Temu bual pada 15.9.2020.

¹¹ Haji Wan Zulkiflee bin Wan Mohamed, Pegawai Penerangan Badan Perhubungan Pas Kelantan menyatakan Tok Guru pernah ditawarkan semula untuk memberi kuliah tafsir di Masjid Muhammadi pada tahun 1990, namun beliau memilih untuk meneruskan kuliah di Dewan Zulkifli. Haji Wan Zulkiflee merupakan antara individu yang paling rapat dengan Tok Guru kerana beliau terlibat menyusun atur aktiviti kuliah dan program Tok Guru. Temu bual dengan beliau pada 17.11.2020.

jika ada keperluan, beliau akan mengambil tambahan sedikit masa tanpa membebankan pendengar¹².

Latar belakang Pendengar

Golongan yang hadir ke kuliah Tok Guru terdiri dari lelaki dan wanita dari pelbagai latar belakang seperti orang awam, guru, ustaz, imam, pendakwah, pelajar sekolah, universiti, dan aliran pondok. Tujuan mereka hadir adalah untuk mendapatkan ilmu berhubung tafsiran ayat-ayat Al-Qur'an dan ulasan Tok Guru berhubung isu-isu semasa dan lain-lain.

Kaedah Penyimpanan Kuliah Tafsir Tok Guru

Kuliah-kuliah tafsir Tok Guru sebahagian besarnya telah dirakam melalui kaset oleh orang persendirian dan pihak tertentu di peringkat awal. Kemudian pihak Perhubungan PAS Kelantan mengambil inisiatif untuk membuat rakaman kuliah tafsir Tok Guru dalam bentuk video.¹³

Kuliah Tafsir Tok Guru Yang dibukukan:

- 1- *Tafsir Surah Hud*, 1996 , Nilam Puri : Maahad Al-Dakwah Wa Al-Imamah.¹⁴ Pertubuhan Alim Rabbani juga menerbitkan semula Tafsir Surah Hud pada 2020.
- 2- *Tafsir Surah Yunus*,1998, Nilam Puri : Maahad Al-Dakwah Wa Al-Imamah.¹⁵ Pertubuhan Alim Rabbani juga menerbitkan semula Tafsir Surah Yunus pada 2020.
- 3- *Tafsir Surah At-Taubah*, 1999, Bangi : As-Syabab Media.
- 4- *Tafsir Fi Zilal Nikmatillah -Al-Waqiah* ,2020, Kota Bharu : Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia.¹⁶ Pertubuhan Alim Rabbani juga menerbitkan semula Tafsir Surah Al-Waqi'ah pada 2020.
- 5- *Tafsir Al-Qur'an- Surah Al-Fatiyah*, 2019, Petaling Jaya : Pertubuhan Alim Rabbani.¹⁷
- 6- *Tafsir Al-Qur'an- Surah Al-Nas, Surah Al-Falaq, Dan Surah Al-Ikhlas*, 2020, Petaling Jaya : Pertubuhan Alim Rabbani.¹⁸

¹² Dr Che Samsudin Mohamed Noor, *Manhaj Tok Guru Dalam Berinteraksi Dengan Al-Qur'an dan Sunnah*,(Kota Bharu : Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia, 2019),159.

¹³ Haji Wan Zulkiflee bin Wan Mohamed, temu bual pada 17.11.2020

¹⁴ Kuliah dirakam dari 7.9.1990 sehingga 22.2.1991. Nik Abdul Aziz Nik Mat, *Tafsir Al-Qur'an – Surah Hud*, (Nilam Puri : Maahad Al-Dakwah Wa Al-Imamah, 1996), xi-xii.

¹⁵ Kuliah dirakam dari 1.3.1991 sehingga 15.11.1991. Nik Abdul Aziz Nik Mat, *Tafsir Al-Qur'an – Surah Yunus*, (Nilam Puri : Maahad Al-Dakwah Wa Al-Imamah, 1998), x-xi.

¹⁶ Kuliah dirakam dari 8.1.2008 sehingga 22.2.2008. Nik Abdul Aziz Nik Mat, *Tafsir Al-Qur'an – Surah Al-Waqi'ah* , (Kota Bharu : Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia, 2020), vii.

¹⁷ Kuliah dirakam pada 21.7.2000, 28.7.2000 dan 4.8.2000, Nik Abdul Aziz Nik Mat, *Tafsir Al-Qur'an- Surah Al-Fatiyah*,(Petaling Jaya : Pertubuhan Alim Rabbani, 2019),viii.

¹⁸ Kuliah tafsir Surah Al-Nas dirakam pada 25.10.2002 dan 15.8.2014, tafsir Surah Al-Falaq pada 20.12.2002, manakala tafsir Surah Al-Ikhlas dirakam pada 27.12.2002., Nik Abdul Aziz Nik Mat, *Tafsir Al-Qur'an- Surah Al-Nas, Surah Al-Falaq, Dan Surah Al-Ikhlas*, viii.

- 7- *Tafsir Al-Qur'an – Surah Al-Masad, Surah Al-Nasr, Surah Al-Kafirun, Surah Al-Kauthar, Surah Al-Ma'un, Surah Quraisy, 2020, Petaling Jaya : Pertubuhan Alim Rabbani.*¹⁹
- 8- *Tafsir Al-Qur'an – Surah Al-Fil, Surah Al-Humazah, Surah Al-Asr, Surah Al-Takathur ,2020, Petaling Jaya : Pertubuhan Alim Rabbani.*²⁰

Kaedah Penyampaian Kuliah Tafsir Tok Guru

Tok Guru memulakan kuliah dengan memberi salam kepada para hadirin. Kemudian Tok Guru membaca basmalah, mengungkapkan puji-pujian kepada Allah dan berselawat kepada Nabi SAW. Diteruskan dengan titipan doa seperti berikut:²¹

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٌ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَبَعْدَ، إِنَّ أَشْرَفَ الْحَدِيثِ كِتَابُ اللَّهِ، وَخَيْرُ الْهُدَى هُدَى مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَشَرُّ الْأُمُورِ مُحَدَّثَاتِهِ، وَكُلُّ مُحَدَّثَةٍ بَدْعَةٌ. اللَّهُمَّ اعْلَمُنَا مَا جَهَلْنَا، وَذَكِّرْنَا مَا نَسِيْنَا، وَارْزُقْنَا تَلَوةَ كِتَابِكَ آنَاءَ الظَّلَلِ وَأَطْرَافِ النَّهَارِ وَاجْعَلْهُ لَنَا حِجَةً يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. رَبَّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي، وَيُسْرِلِي أَمْرِي، وَاحْلِلْ عَقْدَةَ مِنْ لِسَانِي، يَفْقَهُوا قَوْلِي. رَبِّ يَسِيرَ وَلَا تَعْسِرَ، يَا عَلِيمَ عَلَمْنَا مِنْ عِلْمِكَ مَا تَرْضِيَ بِهِ عَنَا، وَلَا تَؤَاخِذْنَا بِمَا تَعْلَمْنَا مِنْهُ، يَا حَلِيمَ، خَلَقْنَا بِخَلْقِ الْحَلْمِ، وَحَقَّقْنَا بِحَقَّائِقِ الْعِلْمِ. سَبَّحَنْكَ لَا عِلْمَ لَنَا إِلَّا مَا عَلِمْتَنَا إِنَّكَ أَنْتَ الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ.

Sebelum memulakan tafsiran baru, Tok Guru pada kebiasaannya akan menarik perhatian hadirin dengan isi kuliah sebelumnya sama ada beliau akan menyebut hubungkait atau munasabah antara surah atau ayat yang ditafsirkan dan surah atau ayat sebelumnya. Kadang-kadang beliau memilih untuk mengulangi tafsiran ayat-ayat dalam kuliah sebelumnya dengan tambahan-tambahan perlu. Dalam beberapa keadaan, Tok Guru akan mengupas peristiwa-peristiwa penting dalam Islam seperti peristiwa Hijrah Al-Rasul SAW, Maulid Al-Rasul SAW, Israk dan Mikraj dan lain-lain. Ada pula ketika itu, Tok Guru akan mengulas isu-isu politik semasa atau isu-isu yang dirasakan penting oleh beliau untuk beliau sentuh atau ketengahkan kepada khalayak.

Tok Guru akan menyampaikan tafsiran ayat bergantung kepada isu atau persoalan yang terdapat dalam ayat berkenaan. Justeru ada sesetengah keadaan, Tok Guru hanya menafsirkan satu atau dua ayat sahaja. Pada kebiasaannya beliau akan menafsirkan lebih dari kadar itu.

¹⁹ Kuliah tafsir surah-surah tersebut dirakam pada bulan Januari 2003. Nik Abdul Aziz Nik Mat, *Tafsir Al-Qur'an – Surah Al-Masad, Surah Al-Nasr, Surah Al-Kafirun, Surah Al-Kauthar,* (Petaling Jaya : Pertubuhan Alim Rabbani, 2020), viii.

²⁰ Kuliah tafsir Surah Al-Fil dirakam pada 31.1.2003, Surah Al-Humazah pada 7.2.2003 dan Surah Al-Asr pada 21.2.2003. Nik Abdul Aziz Nik Mat, *Tafsir Al-Qur'an – Surah Al-Fil, Surah Al-Humazah, Surah Al-Asr, Surah Al-Takathur,* (Petaling Jaya : Pertubuhan Alim Rabbani, 2020), viii.

²¹ Tafsir Surah Al-Fatiyah, xiv-xv

Tok Guru akan membaca ayat-ayat yang akan ditafsirkan dengan suara yang boleh didengar oleh hadirin. Dibaca ayat demi ayat dengan sebutan yang jelas dan penuh ketenangan. Hadirin akan membaca dan mengikut bacaan beliau itu.

Setelah selesai membaca ayat-ayat yang hendak ditafsirkan, Tok Guru mula menafsirkan satu persatu ayat berkenaan dengan menggunakan Bahasa Melayu yang mudah, diselangi dengan dialek Kelantan yang dan gaya bahasa yang menarik supaya hadirin senang memahami penyampaiannya. Contoh-contoh serta perumpamaan-perumpamaan yang mudah yang dapat dilihat dalam kehidupan sebenar menjadi bahan penting kuliah tafsir Tok Guru. Kadang-kadang Tok Guru sengaja memilih beberapa dialek atau ungkapan penduduk asal Kelantan untuk menjelaskan secara mudah beberapa maksud sebahagian ayat atau kalimah dalam Al-Qur'an. Tok Guru tidak gemar menggunakan bahasa atau istilah yang sukar difahami oleh hadirin kerana hal itu boleh menyebabkan hadirin susah untuk menghayati apa yang diperkatakan beliau, malah dibimbangi boleh membawa mereka keliru atau tersilap memahami maksud sebenar Tok Guru. Apa yang ditekankan oleh Tok Guru sepanjang kuliah beliau ialah untuk menghubungkan hadirin dengan Allah SWT, mengharapkan keampunan dan keredhaan-Nya, bimbang daripada siksaan-Nya, dan mempersiapkan diri dalam menuju jalan kepada-Nya dengan penuh keikhlasan dalam ubudiyyah. Di samping beramal sejajar dengan kehendak syarak, dan menjaga hak-hak Allah SWT dan juga hak-hak manusia.

Faktor-faktor Pendorong Tok Guru Sebagai Tokoh Tafsir

Berdasarkan pengamatan penulis, sebenarnya banyak faktor yang telah menyumbang kepada ketokohan Tok Guru dalam bidang tafsir. Pendidikan awal yang berteraskan pengajian Al-Qur'an di samping ilmu-ilmu Agama yang lain, termasuk bahasa Arab telah membentuk landasan ilmu yang subur untuk Tok Guru. Pengajian ilmu-ilmu Islam yang ditekuni oleh Tok Guru di beberapa buah tempat seperti di Pondok Tok Guru Haji Abbas, Besut, Darul Ulum, Deoband (Pengajian Hadith), Syiranwala Gate, Lahore, Pakistan (Pengajian Tafsir) dan Universiti Al-Azhar (Pengajian bahasa Arab dan Perundangan dan Kehakiman Syar'i) banyak mempengaruhi ilmu dan pemikiran beliau.

Ciri-Ciri Keunikan Tafsir Tok Guru

Tafsir Tok Guru memiliki keunikan tersendiri; mengadunkan dua bentuk aliran tafsir iaitu tafsir bi al-ma'thur dan tafsir bi al-ra'yi. Tafsir beliau tafsir yang segar, berpijak kepada realiti dan menyentuh denyut nadi pendengar. Dalam penafsiran Al-Qur'an, Tok Guru tidak terikat dengan mana-mana karya tafsir, malah beliau menfasirkan ayat-ayat al-Qur'an berdasarkan ilmu dan kefahaman beliau sendiri. Cara penyampaian menarik dengan beliau membaca ayat-ayat secara perlahan supaya mudah diikuti oleh hadirin. Bahasa yang digunakan mudah difahami kerana beliau banyak menggunakan dialek Kelantan berserta contoh-contoh dan perumpamaan-perumpamaan yang menarik. Kupasannya pelbagai; merangkumi hampir semua bidang ilmu dan isu-isu semasa terutama politik Islam. Penafsirannya banyak ditekankan tentang penyucian jiwa atau tazkiyah al-nafs, tarbiah dan dakwah.

Keunikan Manhaj Tafsir Tok Guru

Tok Guru memiliki manhaj atau metod penafsiran yang menarik dan unik. Gabungan tafsir bi al-ma'thur (iaitu tafsir Al-Qur'an dengan Al-Qur'an, Hadith dan pandangan para sahabat

dan *tafsir bi al-ra'yi* (iaitu tafsir Al-Qur'an dengan menggunakan pendapat) membentuk kekuatan tersendiri kepada tafsir Tok Guru, dikuatkan lagi dengan sentuhan-sentuhan ilmiah dan berkesan yang dimiliki oleh Tok Guru dalam isu-isu berkaitan bidang tafsir seperti Nuzul Al-Qur'an, Sebab Nuzul, Kisah-Kisah Al-Qur'an, Kemukjizatan Al-Qur'an dan ilmu-ilmu pelengkap yang lain seperti ilmu Akidah, Fikah, Tasawwuf dan lain-lain. Kehebatan hujah dan ulasan Tok Guru terhadap masalah-masalah agama dan isu-isu semasa terutamanya isu politik semasa, menjadikan tafsir Tok Guru lebih menarik dan berbeza dari tafsir-tafsir yang lain.

Berdasarkan pengamatan terhadap surah-surah yang ditafsirkan oleh Tok Guru sama ada yang dibukukan atau tafsiran beliau dalam bentuk rakaman video, penulis dapat rumuskan bahawa Tok Guru sememangnya seorang tokoh tafsir yang hebat. Isu-isu yang dipaparkan ini mampu memberi gambaran sebenar keilmuan dan kepakaran beliau dalam bidang tafsir Al-Qur'an.

Beberapa Contoh Pandangan Tok Guru Terhadap Isu-Isu Tafsir

1- Pandangan Tok Guru Terhadap Tafsir bi al-Ma'thur:

Tafsir bi al-Ma'thur ialah tafsir Al-Qur'an dengan Al-Qur'an, kemudian tafsir Al-Qur'an dengan Sunnah Nabi SAW, disusuli dengan tafsir Al-Qur'an dengan pendapat para sahabat RA. Ia adalah sebaik-baik cara untuk mentafsirkan Al-Qur'an, malah asas utama yang terbina tafsir di atasnya.

Contoh: Tok Guru mengaplikasikan tafsir Al-Qur'an dengan Al-Qur'an apabila mentafsirkan ayat berikut :²²

صِرَاطُ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرُ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الظَّالِمِينَ ﴿٧﴾

Surah Al-Fatiyah: Ayat 7

Terjemahannya: Iaitu jalan orang-orang yang Engkau telah kurniakan nikmat kepada mereka, bukan (jalan) orang-orang yang Engkau telah murkai dan bukan pula (jalan) orang-orang yang sesat.

Tok Guru menafsirkan bahawa mereka yang Allah berikan nikmat kepada mereka ada disebut dalam ayat berikut :

وَمَنْ يُطِعِ اللَّهَ وَالرَّسُولَ فَأُولَئِكَ مَعَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ اللَّهُ عَلَيْهِمْ مِنَ الثَّابِتِينَ
وَالصَّدِيقِينَ وَالشُّهَدَاءِ وَالصَّالِحِينَ وَحَسْنَ أُولَئِكَ رَفِيقًا ﴿٦٩﴾

Surah Al-Nisa': Ayat 69

Terjemahannya : Dan sesiapa yang taat kepada Allah dan Rasul-Nya, maka mereka akan (ditempatkan di Syurga) bersama-sama orang-orang yang telah

²² Tafsir Surah Al-Fatiyah, 86.

dikurniakan nikmat oleh Allah kepada mereka, iaitu nabi-nabi dan orang-orang siddiqin dan orang-orang yang syahid, serta orang-orang yang soleh dan amatlah eloknya mereka itu menjadi teman rakan (kepada orang-orang yang taat).

Kaedah tafsir bi al-Ma'thur menjadi landasan utama Tok Guru dalam mentafsirkan ayat-ayat Al-Qu'an. Tok Guru ada menyebut , jika seseorang ingin menafsirkan Al-Qur'an, dia mesti lihat terlebih dahulu apa yang ditafsirkan oleh Nabi SAW dan apa yang Baginda lakukan. Bagi beliau, batang tubuh Nabi SAW adalah tafsiran utama kepada Al-Qur'an, bukan Kitab Tafsir Al-Jalalain, bukan Kitab Tafsir Al-Baidhawi, dan bukan Kitab Tafsir Al-Kashhaf. ²³

Tok Guru dalam menghuraikan tentang penentuan waktu solat, berkata: ia muka dunia ini. Sebab itulah kita sentiasa sebut bahawa hadith tidak boleh ditinggalkan kerana ia merupakan tafsir bagi Al-Qur'an.²⁴

Selari dengan tuntutan tafsir bi al-Ma'thur, Tok Guru menekankan pentingnya merujuk kepada hadith-hadith Nabi SAW dalam menafsirkan Al-Qur'an. Setakat pengamatan penulis sebagai contoh, Tok Guru telah menyebut lebih kurang 38 buah hadith dalam tafsir Surah Yunus, manakala Surah Hud pula terdapat lebih kurang 28 hadith. Ada kalanya Tok Guru menyebut hadith-hadith tersebut dengan maknanya sahaja, tanpa menyebut matan hadith. Terdapat juga hadith-hadith yang disebut sebahagian sahaja, memadai dengan *shahid* atau bahagian hadith yang disebut sebagai hujah atau rujukan. Tok Guru juga ada menyebut hadith-hadith dengan matan secara lengkap. Pada kebiasaannya, Tok Guru tidak menyebut nama ulamak yang mengeluarkan hadith.

Pandangan Tok Guru Terhadap Tafsir bi al-Ra'yi

Dalam menafsirkan Al-Qur'an, Tok Guru menggambangkan dua jenis kaedah tafsir iaitu tafsir bi al-Ma'thur dan tafsir bi al-Ra'yi (pendapat) yang sejajar dengan kehendak Syarak. Adapun tafsir Al-Qur'an dengan menggunakan pendapat yang tercela atau menurut hawa nafsu, Tok Guru menolak dan tidak menerima sebagai salah satu cara untuk menafsirkan ayat-ayat Al-Qur'an.

Kata Tok Guru: Setiap patah ayat dalam Al-Qur'an ada maksudnya yang tersendiri dan tidak boleh seseorang menafsirkan Al-Qur'an secara bebas dengan menggunakan akal semata-mata.²⁵

Tok Guru menegaskan bahawa Al-Qur'an hendaklah ditafsirkan mengikut kehendak Allah SWT bukan mengikut hawa hafsu dengan takwilan-takwilan yang dibuat-buat kerana perbuatan sedemikian adalah satu dosa besar. Pertamanya kerana pelakunya bersalah dengan Allah kerana dia telah mempertuhankan dirinya, bukan mentuhankan Allah. Keduanya, dengan perbuatannya itu boleh memporakperandakan orang awam kerana mereka mengharapkan apa yang dikatakan itu adalah benar. ²⁶

²³ Tafsir Surah Hud, 8.

²⁴ Ibid , 240.

²⁵ Ibid, h.8

²⁶ Ibid, h. 22

Pandangan Tok Guru Terhadap Israiliyyat

Israiliyyat merujuk kepada berita atau cerita yang diambil dari sumber Bani Israel atau Ahli Kitab. Ulamak berselisih pendapat tentang keharusan meriwayatkan Israiliyyat ini.²⁷ Apa yang pasti , kewujudan riwayat-riwayat Israiliyyat dalam karya tafsir sebenarnya memberi kesan dan pengaruhnya yang tersendiri.

Tok Guru mengambil sikap yang terpuji dalam menangani isu Israiliyyat ini. Sebagai contoh, dalam menafsirkan firman Allah SWT:

وَهُوَ الَّذِي خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ فِي سِتَّةِ أَيَّامٍ وَكَانَ عَرْشُهُ عَلَى الْمَاءِ لِيَبْلُوْكُمْ
أَيُّكُمْ أَحَسَنُ عَمَلاً وَلَئِنْ قُلْتَ إِنَّكُمْ مَبْعُوثُونَ مِنْ بَعْدِ الْمَوْتِ لَيَقُولَنَّ الَّذِينَ
كَفَرُوا إِنْ هَذَا إِلَّا سِحْرٌ مُّبِينٌ

(7)

Surah Hud: Ayat 7

Terjemahannya: Dan Dialah yang menjadikan langit dan bumi dalam enam masa, sedang Arasy-Nya berada di atas air (Dia menjadikan semuanya itu untuk menguji kamu: Siapakah di antara kamu yang lebih baik amalnya dan demi sesungguhnya! Jika engkau (wahai Muhammad) berkata: Bahawa kamu akan dibangkitkan hidup kembali sesudah mati tentulah orang-orang yang ingkar akan berkata: Ini tidak lain, hanyalah seperti sihir yang nyata (tipuannya).

Tok Guru menolak cerita atau kisah-kisah yang tidak berdasarkan nas atau dalil yang sahih, Cuma sekadar nukilan atau cerita-cerita yang ada disebut dalam sebahagian kitab seperti cerita air duduk di atas tanah, ikan besar di atas pentas dunia, dan bumi berkocak. Cerita-cerita sebegini dikategorikan sebagai israiliyyat.²⁸

Tentang israiliyyat ini, Tok Guru menjelaskan bahawa tafsiran yang boleh diterima dan dipercayai hanya jika ia bersandarkan nas sahih dari Al-Qur'an dan Al-Hadith ataupun ada kajian yang betul kerana Islam menerima ilmu-ilmu eksperimen. Kata Tok Guru:

“ ...tetapi kalau Quran Hadis menyebut tentang lembu kerbau, di dalam kajian pun tidak ada, oleh yang demikian cerita bumi duduk di atas tanduk lembu merupakan benda khurafat, benda dongeng yang datang daripada orang-orang Yahudi dan Nasrani untuk menimbulkan perbalahan di kalangan orang Islam. Jadi benda-benda lagu ni yang tidak ada tafsir, kita pakai serah kepada Tuhanlah”.²⁹

Tok Guru menjelaskan bahawa israiliyyat ini merupakan satu isu besar dalam ilmu tafsir dan cara menanganinya dengan baik apabila kita menyampaikan cerita-cerita israiliyyat kepada orang ramai adalah dengan menyatakan bahawa ia disebut dalam kitab

²⁷ Lihat : Muhammad Husain Al-Zahabi, *Al-Tafsir Wa al-Mufassirun*, (Riyad: Wizarah al-Syu'un Al-Islamiyyah Wa al-Awqaf Wa Al-Dakwah Wa Al-Irsyad, 1424H), 1:182-183, Muhammad Husain Al-Zahabi, *Al-Israiliyyat fi Al-Tafsir Wa Al-Hadith*, (Dimasq: Dar Al-Iman, 1405H),19, Ahmad Najib bin Abdullah, *Isu Israiliyyat dan Hadith Palsu Di Dalam Karya Tafsir dan Hadith Mengenalnya*, (Kelantan, 2009),10-27.

²⁸ Tafsir Surah Hud, h. 32

²⁹ *Ibid*, h. 32

boleh jadi ada sandaran dan boleh jadi tidak ada sandaran. Terpulang kepada pendengar untuk menerima atau pun tidak.³⁰

Pandangan Tok Guru Terhadap Tafsir Al-Qur'an Secara Saintifik

Penafsiran Al-Qur'an secara saintifik atau disebut " *al-Tafsir al- 'Ilmi* " menjadi bahan perselisihan pandangan para ulamak sejak dari dahulu lagi antara pro dan kontra.³¹ Bagi Tok Guru, Al-Qur'an tidak boleh ditafsirkan berdasarkan kajian sains kerana kajian sains menerima perubahan (sering berubah-ubah). Al-Qur'an ini perkara yang tetap, kita tidak boleh tafsirkannya dengan benda yang berubah-ubah. Cumanya kajian sains teknologi ini boleh dipakai sekadar untuk mendekatkan kefahaman dan hati kita kepada Al-Qur'an sebagai dalil bagi memudahkan kefahaman. Sekadar itu bolehlah. Al-Qur'an ini hendaklah ditafsir dengan Al-Qur'an juga atau ditafsir dengan tindak-tanduk Nabi Muhammad SAW yang dipanggil Hadis.³²

Pandangan Tok Guru Terhadap Isu-Isu Semasa

Tafsir Tok Guru bukan sahaja kaya dengan khazanah ilmu yang pelbagai, malah segar dengan ulasan dan kupasan beliau terhadap isu-isu semasa yang berlaku sama ada di dalam negara atau di peringkat global. Menurut YB Ahmad Fadhl Syaari, ulasan Tok Guru terhadap isu-isu semasa, terutama politik berdasarkan penghujahan yang sangat tepat dan padat dan dinanti-nantikan oleh khalayak untuk mendengarnya.³³

KESIMPULAN:

Kajian yang dibuat merumuskan bahawa Tok Guru adalah seorang tokoh tafsir yang hebat, kaya dengan pelbagai ilmu Islam termasuk ilmu-ilmu asas yang melayakkan beliau untuk mentafsirkan Al-Quran. Kemunculan tafsirnya yang unik dengan pendekatan yang menarik dari sudut manhaj penafsiran menjadikan tafsir ini bahan ilmu yang bernilai untuk dibaca, dikaji dan dimanfaatkan oleh umat Islam. Memandangkan khazanah tafsir beliau yang masih banyak tersimpan dalam bentuk rakaman keset atau video, satu usaha yang gigih perlu digembelingkan untuk ditranskrip dan dibukukan agar ilmu-ilmu dan pemikiran Tok Guru dalam tafsir beliau dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh masyarakat.

RUJUKAN

Buku :

Abdul Razak Mahmud, *40 Biografi Singkat Ulamak Terpilih Negeri Kelantan*, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 2017.

Ahmad Najib bin Abdullah, *Isu Israiliyyat dan Hadith Palsu Di Dalam Karya Tafsir dan Hadith Serta Kaedah Mengenalnya*, Kelantan, 2009.

³⁰ *Ibid*, h. 99

³¹ Lihat : Fahd Al-Rumi, *Manhaj Al-Madrasah Al- 'Aqliyyah Al-Hadithah fi Al-Tafsir*, (Beirut: Muassasah Al-Risalah, 1414H), 261-311

³² Op.cit, h. 30

³³ Temu bual dengan YB Ahmad Fadhl Syaari, Ahli Parlimen Pasir Mas pada 3.11.2020. Beliau adalah mantan Setiausaha Akhbar Tok Guru (Februari 2010 – Julai 2014).

- Dr Che Samsudin Mohamed Noor, *Manhaj Tok Guru Dalam Berinteraksi Dengan Al-Qur'an dan Sunnah*, Kota Bharu: Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia, 2019.
- Fahd Al-Rumi, *Manhaj Al-Madrasah Al-'Aqliyyah Al-Hadithah fi Al-Tafsir*, Beirut: Muassasah Al-Risalah, 1414H.
- Habibul Izzah Ahmad, *Tok Guru Sebuah Catatan Perjalanan Spritual*, Pulau Pinang: Baytul Hikma, 2017.
- Habibul Izzah Ahmad, *Tok Guru Sebuah Biografi Awal*, Kota Bharu: Pemikiran Tok Guru Sdn Bhd, 2015.
- Jamal Mohd Lokman Sulaiman, *Biografi Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz*, Selangor: Percetakan Selaseh Sdn. Bhd: Selangor, 1999.
- Mashhudi Bunyani, *Tafsir Surah At-Taubah*, Bangi: As-Syabab Media, 1999.
- Muhammad Husain Al-Zahabi, *Al-Tafsir Wa al-Mufassirun*, Riyadh: Wizarah al-Syu'un Al-Islamiyyah Wa al-Awqaf Wa Al-Dakwah Wa Al-Irsyad, 1424H.
- Muhammad Husain Al-Zahabi, *Al-Israeliyyat fi Al-Tafsir Wa Al-Hadith*, Dimasq: Dar Al-Iman, 1405H.
- Mustaffa Abdullah, *Khazanah Tafsir Di Malaysia*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2009.
- Nik Abdul Aziz Bin Nik Mat, *Tafsir Surah Hud*, Nilam Puri: Maahad Al-Dakwah Wa Al-Imamah, 1996.
- Nik Abdul Aziz Bin Nik Mat, *Tafsir Surah Yunus*, Nilam Puri: Maahad Al-Dakwah Wa Al-Imamah, 1998.
- Nik Abdul Aziz Nik Mat, *Tafsir Fi Zilal Nikmatillah -Al-Waqiah*, Kota Bharu: Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia, 2020.
- Nik Abdul Aziz Nik Mat, *Tafsir Al-Qur'an- Surah Al-Fatiyah*, Petaling Jaya: Pertubuhan Alim Rabbani, 2019.
- Nik Abdul Aziz Nik Mat, *Tafsir Al-Qur'an- Surah Al-Nas, Surah Al-Falaq, Dan Surah Al-Ikhlas*, Petaling Jaya: Pertubuhan Alim Rabbani, 2020.
- Nik Abdul Aziz Nik Mat, *Tafsir Al-Qur'an – Surah Al-Masad, Surah Al-Nasr, Surah Al-Kafirun, Surah Al-Kauthar, Surah Al-Ma'un, Surah Quraisy*, Petaling Jaya: Pertubuhan Alim Rabbani, 2020.
- Nik Abdul Aziz Nik Mat, *Tafsir Al-Qur'an – Surah Al-Fil, Surah Al-Humazah, Surah Al-Asr, Surah Al-Takathur*, Petaling Jaya: Pertubuhan Alim Rabbani, 2020.
- Nik Abdul Aziz Nik Mat, *Tafsir Al-Qur'an – Surah Al-Waqi'ah*, Petaling Jaya: Pertubuhan Alim Rabbani, 2020.
- Nik Abdul Aziz Nik Mat, *Tafsir Al-Qur'an – Surah Yunus*, Petaling Jaya: Pertubuhan Alim Rabbani, 2020.
- Nik Abdul Aziz Nik Mat, *Tafsir Al-Qur'an – Surah Hud*, Petaling Jaya: Pertubuhan Alim Rabbani, 2020.

Artikel:

Nik Yusri bin Musa, *Hj. Nik Abd Aziz bin Nik Mat: Pandang Sisi Sebagai Ulama Hadis.*
2010 - umkeprints.umk.edu.my

Laman web:

<http://ipnaa.blogspot.com/2009/07/kenali-tok-guru-nik-abdul-aziz-4.html?m=1>

<https://youtu.be/6-AJIG3rK1U>

<https://youtu.be/88QtTYo3vek>

<https://youtu.be/DI5Qrlidabo>

https://youtu.be/DFdZGDxBg_4

<https://youtu.be/yltgsxvRXJs>

<https://youtu.be/c7FGa1n8u9Y>

<https://youtu.be/eConFZXP6so>

Temu bual:

Temu bual dengan Prof Madya Dr Nik Yusri bin Musa, Pensyarah Universiti Malaysia Kelantan pada 15 September 2020.

Temu bual dengan Ustaz Fadhl bin Sya'ari, Ahli Parlimen Pasir Mas pada 3 November 2020.

Temu bual dengan Haji Wan Zulkiflee Bin Wan Mohamed. Pegawai Penerangan Badan Perhubungan Pas Kelantan pada 17 November 2020 di Pejabat Perhubungan Pas Kelantan, jam 11.00 Pagi

Temu bual dengan En. Ahmad Saifuddin Yusof, Ketua Projek Tafsir Tuan Guru Nik Aziz Nik Mat pada 2 Februari 2021